

Tiga elemen jadikan Dr. M 'kuat'

'KUALA KANGSAR 9 Sept. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz berkata, tiga elemen telah menjadikan Tun Dr. Mahathir Mohamad 'kuat' sepanjang memegang tampuk pemerintahan.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu muncul pemimpin unggul selama 22 tahun kerana telah memilih UMNO sebagai tapak perjuangan.

Beliau berkata, karier politik Dr. Mahathir tidak mungkin sampai ke kemuncak seperti itu jikalau memilih untuk bergerak di luar UMNO.

"Kedua, kepimpinan 22 tahunnya telah mendapat sokongan padu daripada pemimpin dan ahli UMNO menyebabkan beliau dapat menghadapi segala masalah dalaman dan luaran.

"Sokongan padu inilah yang meletakkan Tun sebagai pemimpin yang unggul. Inilah rahsianya," katanya berucap pada persidangan perwakilan UMNO Bahagian Padang Rengas di sini hari ini.

Nazri yang juga ketua bahagian itu, berkata faktor ketiga ialah kerana Dr. Mahathir adalah nakhoda tunggal ketika beliau menerajui bahtera UMNO dan telah memimpin tanpa menerima gangguan.

"Sebenarnya Tun sebagai bekas pemimpin UMNO dan kerajaan bertanggungjawab dan berkewajipan memelihara UMNO dan kerajaan supaya sentiasa stabil dan kuat seperti masa beliau memimpin dulu," katanya.

Beliau berkata, kehadiran dua nakhoda dalam satu kapal akan hanya menghancurkan kapal dan berharap Dr. Mahathir akan membantu Abdullah menjadi seorang nakhoda yang berkesan.

-Bernama